

JENAYAH SIBER: PENGELASAN DI ANTARA *AL-JARAIM* DAN *AL-JINA'I* MENURUT SISTEM PERUNDANGAN ISLAM

Muhamad Asyraf Ahmad Termimi*, **Muhammad Ikhlas Rosele****

Khairul Azhar Meerangani**, **Syamsul Azizul Marinsah***

Mohd Anuar Ramli***

*Pelajar pascasiswazah (MA), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

**Pelajar pascasiswazah (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

***Pensyarah (Ph.D), Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abstrak: *Kerancangan kemajuan dan pembangunan teknologi dan maklumat tidak dinafikan telah banyak membawa kemudahan dan perhubungan komunikasi yang lebih efisien. Namun di sebalik semua itu, penyalahgunaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan medium siber sebagai platform jenayah muncul dan amat membimbangkan. Maka kajian ini dilakukan dalam mengenal pasti bentuk-bentuk jenayah siber yang berlaku di kalangan masyarakat khususnya pengguna medium siber pada hari ini serta apakah kesan dan akibat daripada jenayah tersebut. Jenayah-jenayah tersebut dikelaskan menurut kategori-kategori jenayah di dalam sistem perundangan Islam dan seterusnya ditentukan di manakah kedudukan jenayah tersebut sama ada ia merupakan jenayah mahupun jarimah serta apakah hukuman yang telah ditetapkan di dalam undang-undang Islam. Hasil kajian ini mendapati wujudnya jarimah dan juga jenayah bagi jenayah siber yang dibezakan dari bentuk tindakan, kesan serta undang-undang yang diperuntukkan.*

Kata kunci: Jenayah siber, *al-jina'i*, *al-jara'im*, sistem perundangan Islam.

Pendahuluan

Dalam era globalisasi dengan kemajuan sains dan teknologi telah mendatangkan kemudahan dan kesenangan dalam melakukan urusan seharian mahupun urusan kerja. Namun begitu keburukan dan bahaya juga tidak dapat dielakkan. Ini berlaku apabila ada pihak yang tidak bertanggungjawab telah menyalahgunakan kemajuan sains dan teknologi demi memenuhi kepentingan diri dan keuntungan. Kemudahan siber merupakan antara kemajuan sains dan teknologi yang terdedah kepada penyalahgunaan pihak yang tidak bertanggungjawab. Penyalahgunaan inilah yang mewujudkan satu bentuk jenayah iaitu jenayah siber.

Jenayah siber telah menjadi penyumbang tertinggi dalam kes-kes jenayah di negara-negara maju seperti negara-negara eropah, amerika¹ dan jepun². Jenayah siber tidak seperti jenayah-jenayah lain yang mempunyai bukti-bukti fizikal bagi memudahkan analisis mencari penjenayah. Biasanya jenayah siber melibatkan jenayah komersial seperti “rompakan” atau pemindahan wang yang banyak kepada akaun penjenayah³.

Syariah Islam telah menggariskan panduan yang lengkap dalam setiap aspek kehidupan manusia, sehinggalah dalam aspek jenayah. Dalam undang-undang jenayah Islam (fiqh jenayah) telah menyediakan satu panduan umum untuk menangani perbuatan jenayah dalam umat Islam. Oleh itu kajian ini cuba untuk melakukan penelitian terhadap jenayah siber menurut perspektif *fiqh al-jinayah*. Kajian ini akan melakukan pengklasifikasian jenayah siber (dalam realiti Malaysia) antara *al-jina'i* dan *al-jara'im* untuk memberikan kefahaman umum dan kedudukan jenayah siber dalam syariah Islam.

Definisi Jenayah Siber

Jenayah siber merupakan suatu bentuk perlakuan jenayah yang menggunakan sebarang jenis peranti elektronik melalui sambungan perkhidmatan internet yang membolehkan sesebuah perlakuan jenayah dilakukan sama ada ia melibatkan seseorang individu atau sekumpulan orang serta mampu menjangkau batasan dari sesebuah negara ke negara yang lain dalam tempoh masa yang singkat dan tidak terhad batasan.⁴

Jenayah siber menyebabkan berlakunya kepada kehilangan atau kerosakan kepada peralatan, data dan maklumat yang melibatkan sesebuah perisian mahupun pemprosesan komputer sama ada serangan virus, pencerobohan (*unauthorized access and use*) serta kecurian maklumat terhadap sesebuah komputer atau peranti elektronik yang dijadikan sasaran.⁵ Jenayah siber merupakan suatu bentuk jenayah moden yang wujud pada zaman ini di mana ia tidak lagi seperti jenayah pada zaman dahulu yang hanya terhad kepada

¹ Richard B., Longe O., Robert S. I. & Joseph B. (2011), Sakawa – Cybercrime and Criminality in Ghana, *Journal of Information Technology Impact*, 11(2), hh. 93-94.

² Takato Natsui (2003), *Cybercrimes in Japan: Legislations, Problems and Perspectives* (Kertas kerja, NetSafe II Conference, Auckland, Newzealand, Julai 2003), h. 3

³ Ashriq Fahmy Ahmad & Khairunnisa Sulaiman (16 April 2012), Ancaman Jenayah Siber, *Utusan Malaysia* .

⁴ Anita Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap (2004), *Jenayah Berkaitan Dengan Komputer Perspektif Undang-Undang Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 56.

⁵ Rusli Haji Abdullah et al. (2003), *Teknologi Maklumat dan Penggunaannya*, Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd, h. 116.

persekitaran fizikal sahaja, namun kini ia telah menjangkau kepada perlakuan jenayah melalui alam siber dengan menggunakan teknologi komputer.⁶

Lapangan jenayah siber adalah lebih luas berbanding jenayah konvensional kerana ruang lingkup yang mampu dicapai dengan sebuah jenayah siber adalah sangat luas di samping dengan proses pendakwaan yang agak sukar.⁷ Jenayah siber yang wujud pada hari ini tidak lagi terbatas hanya dengan menggunakan komputer sebagai alat dalam melakukan jenayah, sebaliknya jenayah siber pada hari ini juga boleh ditakrifkan dengan jenayah yang berlaku di internet mahupun alam siber yang melibatkan penipuan dan helah tipu daya.⁸ Tahap keseriusan berkenaan ancaman siber ini dapat dilihat apabila wujudnya pelbagai akta serta undang-undang yang melibatkan siber dan komputer yang digubal dan sering dibahaskan dalam menyesuaikan dengan peredaran kemajuan teknologi dan komunikasi yang kian membangun dengan pesat yang turut mengundang pelbagai ancaman di sebalik kemudahan yang dibawa. Di samping mewujudkan sebuah Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) yang berperanan dalam memberikan khidmat rujukan dan informasi kepada masyarakat Malaysia dalam mendepani kes-kes berkaitan dengan keselamatan komputer.⁹

Jenayah siber berbeza dengan jenayah fizikal yang lain seperti membunuh, merompak dan mencuri di mana ia kadangkala masih boleh dilihat dan dikesan dengan nyata penjenayah serta perbuatan jenayah yang dilakukan dan lebih buruk lagi untuk mengesan lokasi operasi penjenayah terutamanya jika penjenayah berada di luar Malaysia dan ia dilihat sebagai satu cabaran dan masalah penipuan siber sukar diatasi.¹⁰ Jenayah siber memberi ancaman yang sangat besar kepada pengguna dan turut dilihat sebagai satu bentuk cabaran dan jenayah alaf baru yang tidak seperti mana jenayah pembunuhan yang boleh dikemukakan senjata sebagai bukti sebaliknya jenayah siber hanya menggunakan komputer mahupun peranti elektronik

⁶ Nazura Abdul Manap dan Jasri Jamal (2003), Jenayah Komputer : Perbandingan Menurut Akta Jenayah Komputer 1997 dan Prinsip Undang-Undang Jenayah Islam, *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 7, h. 16.

⁷ Mursilalaili Binti Mustapa Sa'di (2006), *Jenayah Siber Menurut Perspektif Islam*, (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 27

⁸ Anita Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap (2004), *op.cit*, hh. 8-9.

⁹ MyCERT ditubuhkan pada 1 Januari 1997 dan mula beroperasi pada 1 Mac 1997. MyCERT menyediakan bantuan dalam menangani kejadian seperti pencerobohan, kecurian identiti, jangkitan malware, gangguan siber dan kes- kes berkaitan keselamatan komputer yang lain. MyCERT bekerjasama rapat dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bank Negara Malaysia. MyCERT turut mempunyai kerjasama rapat dengan Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP), pasukan tindakan berkaitan keselamatan komputer dan pelbagai inisiatif keselamatan komputer di seluruh dunia.

¹⁰ Christina Ulu (7 April 2013), Jenayah Siber Sukar Diatasi, *Mingguan Sarawak*, h. 3

dan melibatkan banyak pihak dalam pendakwaan di samping pakar-pakar yang terlibat dalam pendakwaan.¹¹

Realiti jenayah siber di Malaysia.

Jenayah siber merupakan antara jenayah-jenayah yang berlaku di Malaysia. Berikut adalah beberapa bentuk jenayah siber dalam skop kehartaan berdasarkan realiti jenayah siber di Malaysia:

1. Hacking

Hacking atau penggodaman merupakan suatu tindakan mengakses sesebuah komputer tanpa mendapat sebarang kebenaran atau izin dari pihak bertanggungjawab yang ditugaskan mahupun kebenaran daripada pemilik sesebuah komputer.¹² Penggodaman kebiasaannya dilakukan oleh individu yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi berkenaan dengan ilmu pengaturcaraan komputer yang membolehkan mereka untuk melakukan penggodaman dengan mencari di manakah titik kelemahan sesebuah komputer mahupun perisian yang membolehkan baginya untuk menceroth sistem keselamatan serta mengakses sistem tersebut. Apabila seseorang penggodam (*hackers*) berjaya menceroth mahupun melumpuhkan sesebuah sistem komputer, kebiasaannya mereka akan menyalin maklumat-maklumat sulit dan penting, memadam atau mengubahsuai mana-mana kandungan maklumat atau sistem program yang tersimpan di dalam sesebuah komputer mahupun yang lebih parah lagi apabila mereka mencuri wang atau membuat pesanan barang melalui sistem komputer yang dicerobohi dan barang tersebut dihantar kepada mereka sendiri.¹³

Kesan yang buruk jelas kelihatan daripada penggodaman ini apabila ia menyebabkan kerugian besar dari segi kewangan dan kehilangan harta benda yang besar yang terpaksa ditanggung oleh mangsa apabila penggodaman tersebut turut melibatkan pengalihan wang atau harta benda dari sesebuah institusi kewangan atau perbankan elektronik mahupun pasar dalam talian (*online shop*). Namun, tidak semua penggodam melakukan penggodaman dengan niat untuk mencuri wang, terdapat juga segelintir penggodam yang melakukan penggodaman

¹¹ Chris Reed, ed. (1990), *Computer Law*, Great Britain: Blackstone Press Limited, hh.164-165.

¹² David Bainbridge (2000), *Introduction to Computer Law*, 4th rev, Edinburgh Gate: Pearson Education Limited, h. 307.

¹³ *Ibid.*, h. 308

hanya kerana ingin menguji “kehandalan” mereka dalam menembusi sistem keselamatan sesebuah komputer mahupun perisian tanpa mencuri sebarang maklumat mahupun wang.¹⁴

2. Pemindahan wang secara haram

Pemindahan wang secara haram adalah pengalihan wang daripada sesebuah akaun simpanan individu atau sesebuah organisasi ke dalam akaun bank pihak lain mahupun diri individu yang melakukan tindakan tersebut. Jenayah ini lebih bersifat kepada jenayah pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa yang diberikan kepada seseorang individu yang telah diamanahkan untuk menjaga harta atau kerahsiaan yang sepatutnya. Antara kes terawal yang berlaku di dalam negara ini yang pernah dilaporkan adalah apabila seorang lepasan institusi pengajian tinggi tempatan yang bernama Aman Syah telah berjaya memperoleh jutaan ringgit dengan hanya melakukan pemindahan dividen bagi setiap pemegang akaun salah sebuah bank ke dalam akaun dirinya dan dia mampu menikmati kehidupan yang mewah hasil daripada kegiatan jenayah yang dilakukannya.¹⁵

Pemindahan wang secara haram ini bermaksud berlakunya pemindahan wang oleh orang yang tidak mempunyai kebenaran atau kuasa untuk mengakses ke dalam akaun milik perseorangan mahupun individu dan memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun dirinya mahupun akaun individu yang lain dengan niat untuk memiliki wang tersebut. Pemindahan wang secara haram ini sering berlaku kepada pengguna-pengguna sistem perbankan elektronik dan ia berlaku sama ada berlakunya pencerobohan ke atas akaun mereka atau berlakunya pecah amanah atau khianat yang dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab.

3. Phishing

Phishing bermula pada tahun 1996 oleh penggodam-penggodam yang mencuri kata laluan dan akaun *America Onlines*.¹⁶ Phishing merupakan suatu cubaan bersifat jenayah yang melibatkan penipuan bagi mendapatkan maklumat-maklumat sensitif seperti nama pengguna, kata laluan dan butiran kad kredit dengan menyamar sebagai sebuah entiti yang boleh dipercayai bagi tujuan aktiviti jenayah.¹⁷ Phishing kebiasaannya dilakukan melalui aplikasi

¹⁴ Donn B. Parker (1998), *Fighting Computer Crime: A New Framework For Protecting Information*, United States of America: John Wiley & Sons, Inc, h. 160.

¹⁵ Umi Kalsom Roslan (1997), *Dewan Masyarakat*, h. 48

¹⁶ Gita Radhakrishna (2008), “Internet Banking In Malaysia (Part 2) : The Incidence of Fraud and its Prosecution”, dalam *The Law Review*, h. 81.

¹⁷ Jabatan Perdana Menteri (2010), “*Panduan Perlindungan Terhadap Jenayah Penyamaran*” (Web Phishing Scams), Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri, h. 2

seperti email, dengan menghantar email palsu yang hampir menyerupai daripada organisasi-organisasi perbankan elektronik yang sah secara rawak kepada mangsa dengan menyamar sebagai wakil sah daripada pihak perbankan elektronik melalui penghantaran notis yang meminta mangsa untuk mengisi butiran diri yang bersifat sensitif dan sulit seperti nombor akaun pemilik, nama pengguna mahupun kata laluan di bagi tujuan pengemaskinian akaun mahupun penyelenggaraan laman web pihak bank institusi kewangan terbabit.¹⁸

Kebiasaannya bersama-sama email mahupun notis elektronik yang diberi, penjenayah siber akan memberikan sebuah *hyperlink*(pautan) yang akan membawa mangsa kepada laman web palsu yang direka khas seolah-olah laman web perbankan elektronik dalam talian yang sah tanpa disedari oleh mangsa dan akhirnya berlaku kecurian identiti (*identity theft*) yang akhirnya menyebabkan pelbagai masalah bakal berlaku terhadap mangsa seperti kerugian besar dalam bentuk kewangan, kecurian identiti mahupun halangan dalam melakukan capaian (akses) kepada akaun email atau perbankan elektronik mereka.¹⁹

4. Penipuan Siber (Internet Fraud)

Penipuan siber merujuk kepada penipuan yang berlaku dengan menggunakan instrumen komputer mahupun menjadikan lama siber dalam menjalankan aktiviti jenayah dan berbeza dengan jenayah penipuan yang tidak menggunakan komputer.²⁰ Seiring dengan kemajuan internet, pelbagai urusan perniagaan dan perdagangan mula beroperasi dengan kemunculan pelbagai laman-laman jualan atas talian serta pasar elektronik sama ada di laman web mahupun laman media sosial seperti Facebook. Pelbagai barangan diperdagangkan sama ada yang melibatkan nilai yang rendah sehingga yang melibatkan jutaan ringgit dan urusan perdagangan dijalankan sama ada pembeli melakukan pembayaran penuh mahupun membayar deposit kepada penjual dan setelah itu pesanan mereka akan diproses dan dihantar mahupun dengan cara *cash on delivery*.

Namun begitu tidak semua urusan niaga secara dalam talian dilakukan dengan jujur kerana terdapat banyak kes berkenaan penipuan dalam perdagangan dalam talian yang dilaporkan yang melibatkan kerugian yang amat besar. Kebanyakan mangsa melaporkan bahawa mereka ditipu oleh penjual sama ada barangan yang dipesan mereka tidak sampai mahupun mereka menerima barangan yang tidak sama seperti yang dipesan oleh mereka dan

¹⁸ Gita Radhakrishna (2008), *op. cit.*, h. 85.

¹⁹ Jabatan Perdana Menteri (2010), *op.cit.*, h.2

²⁰ Nazura Abdul Manap dan Anita Abdul Rahim (2002), Permasalahan Frod/Penipuan Dan Komputer: Sejauh Manakah Penyelesaiannya?, *Malayan Law Journal*, 1, h. iixi

penjual gagal dihubungi dan terus lesap bersama wang mereka dan kebanyakan penipuan dilaporkan berlaku menerusi jualan di laman media sosial.²¹

Pernah dilaporkan di mana terdapat seorang pembeli yang ditipu oleh penjual ketika melakukan pembelian tiga telefon bimbit secara dalam talian yang mengalami kerugian RM3,250 apabila hanya menerima lesung batu yang dikirim oleh penjual.²² Penipuan siber kebiasaannya melibatkan transaksi wang serta urusan jual beli barangan serta produk yang dijual dan kadangkala ia amat sulit untuk dikesan kerana penjenayah sering memberikan maklumat palsu mengenai butiran diri mereka serta nombor akaun orang lain dalam menjalankan aktiviti jenayah mereka.

Peruntukan Undang-Undang Di Malaysia Berkenaan Jenayah Siber.

Melihat kepada ancaman yang dibawa hasil daripada kemajuan teknologi dan maklumat yang sedang melanda seluruh dunia maka pelbagai negara telah menggubal akta-akta serta undang-undang siber bagi negara masing-masing dalam memastikan wujudnya kawalan dan perlindungan bagi pengguna-pengguna daripada menjadi mangsa penjenayah siber yang sentiasa memberi ancaman keselamatan menerusi medium-medium siber. Malaysia juga antara negara yang tidak terkecuali dalam menggubal akta yang berkaitan dengan siber sejak awal perkembangan teknologi dan maklumat di negara ini dalam memastikan kedaulatan undang-undang serta keharmonian di kalangan masyarakat khususnya bagi menangani jenayah siber serta penyalahgunaan yang berlaku menerusi medan siber. Antara akta-akta khas berkaitan yang diwujudkan adalah:

- I. Akta Jenayah Komputer (1997)²³
- II. Akta Komunikasi dan Multimedia (1998)²⁴
- III. Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012²⁵

Kesemua akta tersebut digubal seiring dengan perkembangan teknologi dan komunikasi dalam menangani salah laku dan penyalahgunaan turut semakin mencabar dan membimbangkan terutamanya berkaitan keselamatan komputer dan terhadap pengguna-

²¹ Sinar Harian (Januari, 2013), "Perniagaan online adakalanya indah khabar daripada rupa", diakses pada 15 Januari 2013 dari, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/utara/perniagaan-online-adakalanya-indah-khabar-daripada-rupa-1.121406>

²² Mohamad Fahd Rahmat (2012), "Aduh! Galaxy lesung batu", diakses pada 10 Jun 2013 daripada, <http://www.hmetro.com.my/articles/2012011005010620120110050106/Article>

²³ Seksyen 3, Akta Jenayah Komputer

²⁴ Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998 (Akta 588)

²⁵ Akta Pelindungan Pengguna 1999, (Akta 599)

pengguna komputer. Akta-akta dan peraturan tersebut digubal bersesuaian dengan perubahan masa dan zaman dan ia menjadi rujukan bagi kes-kes jenayah siber yang berlaku di Malaysia di mana kebiasaannya ia dibaca bersama dengan kanun-kanun jenayah yang lain di mahkamah dalam pensabitan jenayah.

Konsep Jenayah dan Jarimah

Jarimah (جريمة) berasal dari kata ja-ra-ma (جَرَمَ) bermaksud potong dan berubah kepada al-jurmu bermaksud dosa, dari kata al-jurmu inilah terbit perkataan jarimah²⁶. *Jinayah* (جنایة) pula berasal daripada kata ja-na-ya (جَنَى)²⁷ yang bermaksud melakukan dosa²⁸. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa maksud *jarimah* dan *jinayah* dari sudut etimologi adalah sama iaitu melakukan dosa²⁹.

Dari sudut terminologi pula *jarimah* dan *jinayah* mempunyai banyak pentakrifan. Secara umumnya *jarimah* bermaksud satu bentuk perbuatan melakukan atau meninggalkan dan terdapat nas syari'at yang mengharamkan perbuatan tersebut dan akan dihukum pelakunya³⁰. Manakala *jinayah* pula bermaksud satu bentuk perbuatan melakukan, meninggalkan atau sebagai penyebab yang dapat mendatangkan mudarat kepada manusia atau selainnya yang mana akan dikenakan hukuman duniawi³¹.

Walaupun bagaimanapun sekiranya diteliti terdapat beberapa ragam dalam mentakrifkan *jarimah* dan *jinayah* di kalangan intelektual Islam. Pengkaji telah menyimpulkan ragam tersebut kepada 4 bentuk iaitu; 1) *jarimah* dan *jinayah* adalah sama dari sudut Istilah³², 2) *jarimah* lebih umum³³ berbanding *jinayah*³⁴, 3) *jinayah* lebih umum berbanding *jarimah*³⁵, 4)

²⁶ Ibn Manzur (t. t.), *Lisan al-'Arab*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, j. 7, h. 604.

²⁷ *Ibid*, j. 8, h. 706.

²⁸ Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1990), *al-Mu'jam al-Wajiz*, Mesir: Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta'lim, h. 122.

²⁹ Ahmad Mukhtar 'Umar (2008), *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*, Kaherah: 'Alim al-Kutub, j. 1, h. 365/408

³⁰ Abdul Qadir 'Audah (t. t.), *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islami*, Beirut: Dar al-Katib al-'Arabi, j. 1, h. 66.

³¹ Muhammad Rawas Qal'ahji dan Hamid Sadiq Qunaibi (1988), *Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*, Beirut: Dar al-Nafa'is, h. 127

³² Kebanyakan fuqaha' cenderung menyamakan pengertian *jarimah* dan *jinayah*. Lihat; Abdul Qadir 'Audah (2001), *al-Mausu'ah al-'Asriyyah fi al-Fiqh al-Jina'i al-Islami*, Kaherah; Dar al-Syuruq, j. 1, h. 195.

³³ Muhammad Abu Zahrah (1998), *al-Jarima wa al-'Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*, Kaherah: Dar al-Fikr al-Islami, hh. 21-22.

³⁴ Kerana di sebahagian mereka membahagikan *al-jara'im* (dalam perundangan) kepada tiga iaitu; *jinayah*, *junh* dan *mukhalafat*. Lihat; al-Muti'I, Najib (t. t.), *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Jeddah: Maktabah al-Irsyad, j. 22, h. 20, lihat juga; Khalid Mustafa Hashim (2007), *al-Jarimah: Dirasah Muqaranah Baina al-Syari'at al-Yahudiyyah wa al-Islamiyyah*, Herndon: al-Ma'ahad al-Alami li Fikr al-Islami, hh.132-133.

³⁵ Syed Sabiq (1999), *Fiqh al-Sunnah*, Kaherah: Dar al-Fath li al-'Ilam al-'Arabi, j. 2, h. 323.

jarimah adalah dalam kes hudud dan *ta'zir* manakala *jinayah* adalah dalam kes *qisas*³⁶ dan 5) *jarimah* merujuk kepada kes yang melibatkan hudud dan *ta'zir*³⁷ manakala *jinayah* adalah kes-kes selain hudud dan *ta'zir* ataupun sebaliknya³⁸. Perbezaan dalam mentakrifkan *jarimah* dan *jinayah* ini dilihat ketara dalam kerangka perbincangan *al-fiqh al-wad'i* atau di dalam *al-qanun al-wad'i*. Dalam perundangan mesir sebagai contoh, *jinayah* adalah berbeza dengan *jarimah*. *Jinayah* bermaksud perbuatan yang akan dikenakan hukuman penalti (denda), perlu melakukan kerja berat seumur hidup ataupun sementara waktu atau dipenjaras³⁹.

Dr. Abdul Halim Mansur ketika membincangkan mengenai ragam perbezaan *jarimah* dan *jinayah* telah membuat satu kesimpulan seperti berikut⁴⁰;

- 1- Setiap perkara yang dilarang oleh syarak sama ada melanggar hak Allah ataupun hak manusia, berkait dengan jiwa ataupun harta boleh disebut sebagai *jarimah* ataupun *jinayah*.
- 2- Dikhususkan *jinayah* bagi perbuatan yang mengancam nyawa atau selainnya.
- 3- Dikhususkan *jarimah* bagi perbuatan yang termasuk dalam kes hudud dan *ta'zir*.

Penyelidik berpandangan dalam kesalahan jenayah hari ini adalah perlu untuk membezakan antara *al-jarimah* dan *al-jinayah*. Tindakan seumpama ini dapat memberikan gambaran yang jelas dalam menentukan hukum dalam kes-kes hudud, *qisas* dan *ta'zir* serta membezakan dengan jenayah syari'ah selainnya.

Oleh itu, hendaklah dibezakan antara *jarimah* dan *jinayah* dalam perundangan jenayah hari ini. *Jarimah* adalah merujuk kepada perbuatan yang melanggar aturan syarak yang telah ditetapkan hukuman hudud, *ta'zir*(dalam kes hudud) dan *qisas*, manakala *jinayah* pula merujuk kepada kesalahan syarak yang tidak dikenakan hukuman hudud, *ta'zir* (dalam kes hudud) dan *qisas*. Pembahagian seperti ini perlu atas beberapa alasan; 1) dapat membezakan kes-kes jenayah syari'ah yang berlaku pada hari ini, 2) dapat melakukan pengelasan jenayah berat dan jenayah ringan dengan lebih jelas, 3) mengelakkan kekeliruan dan kesilapan dalam pensabitan kes-kes jenayah yang berlaku dan 4) hukuman *ta'zir* boleh dibahagikan kepada dua iaitu *ta'zir* berat bagi kes hudud dan *ta'zir* ringan bagi kes selain hudud dan *qisas*.

³⁶ al-Husara, Ahmad (1973), *al-Qisas – al-Diyat – al-'Isyah – al-Muslah fi al-Fiqh al-Islami*, Kaherah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariah, hh. 14-15.

³⁷ al-Mawardi, 'Ali bin Muhammad (1989), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaibah, h. 285.

³⁸ Paizah Ismail (2001), *al-Fiqh al-Jina'i al-Islami*, APIUM: iMAP, h. 4.

³⁹ Yunus 'Abdul Qawi (2003), *al-Jarimah wa al-'Iqab fi al-Fiqh al-Islami*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 3.

⁴⁰ Abdul Halim Mansur (2009), *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islami: DirasahFiqhiyyahMuqaranah*, Jami'ah al-Azhar, h. 20.

Pengelasan jenayah siber antara *al-jaraim* dan *al-jina'i*

Jenayah siber yang berlaku di dalam realiti masyarakat pada hari ini wujud dalam pelbagai bentuk sama ada yang melibatkan harta benda, maruah mahupun agama. Namun daripada kepelbagaian bentuk jenayah tersebut, tidak semua jenayah siber tersebut boleh dikategorikan sebagai kes-kes hudud, qisas dan ta'zir (berat). Ia perlu dibezakan sebagaimana pengelasan yang dicadangkan oleh penyelidik iaitu;

- 1) *Jarimah*: merujuk kepada kes-kes hudud, qisas dan ta'zir (berat), sebagai contoh mencuri, zina dan membunuh.
- 2) *Jinayah*: merujuk kepada kes-kes selain jarimah, sebagai contoh penipuan, pemalsuan dan khianat.

Dalam konteks perbincangan berkenaan jenayah siber, apa-apa perbuatan yang dapat dikategorikan sebagai kes-kes hudud, qisas dan ta'zir berat termasuk di dalam klasifikasi *jarimah*. Sebagai contoh dalam jenayah *hacking* yang melibatkan pengalihan wang atau harta benda, perbuatan ini dikategorikan di dalam kesalahan mencuri yang termaktub bagi kesalahan hudud. Sekiranya ia tidak dapat disabitkan atas kesalahan hudud (hukuman hudud-potong tangan) maka ia akan dikenakan hukuman ta'zir berat.

Namun berbeza pula dengan perbuatan *hacking* yang hanya memecah masuk akaun perbankan elektronik atau komputer hanya untuk mendapatkan maklumat peribadi mangsa atau menguji kemahiran mereka dalam bidang pengaturcaraan komputer. Bagi perbuatan tersebut, ia hanya melibatkan kerugian yang tidak ada unsur-unsur kecurian serta kehilangan harta benda terhadap mangsa, maka ia diklasifikasikan sebagai jenayah yang akan dikenakan hukuman ta'zir ringan. Jadual 1 menerangkan beberapa contoh jenayah siber (dari aspek kehartaan) yang dikategorikan mengikut klasifikasi *jarimah* dan *jinayah*;

Jadual 1: Jenayah-jenayah siber mengikut klasifikasi *jarimah-jinayah*

<i>Jarimah</i>	<i>Jinayah</i>
Hacking yang melibatkan pemindahan wang atau pengalihan sesuatu harta.	Hacking yang hanya melibatkan pencerobohan dan tidak melibatkan pemindahan wang atau pengalihan harta.
Pemindahan wang secara haram.	Pecah amanah dalam memberikan maklumat namun tidak terlibat dalam memindahkan wang.
Phishing yang melibatkan kecurian wang.	Phishing yang melibatkan kecurian maklumat.
	Penipuan siber

Kesimpulan

Jenayah siber merupakan suatu bentuk jenayah yang berlaku pada alaf baru ini dan merupakan suatu bentuk cabaran baru dalam dunia Islam secara khususnya dalam menangani jenayah dalam talian ini yang agak sukar dan rumit dalam pensabitan jenayah di samping memerlukan khidmat pakar dalam bidang teknologi dan maklumat dalam bekerjasama mengesan penjenayah-penjenayah siber. Islam meraikan segala bentuk kemajuan yang datang dalam kehidupan manusia serta kebebasan dalam kehidupan namun ia mementingkan elemen tanggungjawab dalam setiap perbuatan yang dilakukan di samping tidak bercanggah dengan syarak. Ketika mana slogan “Dunia tanpa sempadan” yang digunakan bagi dunia siber dan internet, maka ia tidak bermakna kebebasan mutlak diberikan tanpa sebarang garis panduan serta etika yang perlu dipatuhi oleh pengguna siber.

Maka pengelasan di antara *jinayah* dan *jarimah* perlu dalam pengelasan setiap bentuk jenayah siber dalam mengenal pasti tindakan dan hukuman yang sewajarnya disabitkan di atas kesalahan-kesalahan siber dalam memastikan keadilan tetap dilaksanakan demi menunjukkan kesyumulan Islam dalam mengatur kehidupan seluruh umat manusia. Perbincangan ulama-ulama silam dijadikan rujukan dalam mengenal pasti segala bentuk, rukun serta syarat dalam jenayah mencuri sebagai asas dalam mensabitkan sesebuah jenayah siber yang melibatkan harta dan wang dalam jenayah mencuri serta hukuman yang bakal dikenakan terhadap pesalah. Konsep *al-fiqh al-wad'id* digunakan dalam menyesuaikan dengan bentuk jenayah siber serta zaman dalam memastikan hukum Islam itu diaplikasikan dengan betul serta bertepatan dengan sifat jenayah siber yang berlaku dalam dunia masyarakat pada hari ini.

Rujukan

- Abdul Halim Mansur (2009). *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islami: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Jami'ah al-Azhar.
- Abdul Qadir 'Audah (2001). *al-Mausu'ah al-'Asriyyah fi al-Fiqh al-Jina'i al-Islami*. Kaherah; Dar al-Syuruq.
- Abdul Qadir 'Audah (t. t.). *al-Tasyri' al-Jina'i al-Islami*. Beirut: Dar al-Katib al-'Arabi.
- Ahmad Mukhtar 'Umar (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Kaherah: 'Alim al-Kutub.
- Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998 (Akta 588)
- Akta Pelindungan Pengguna 1999, (Akta 599)

- Anita Abdul Rahim dan Nazura Abdul Manap (2004). *Jenayah Berkaitan Dengan Komputer Perspektif Undang-Undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ashriq Fahmy Ahmad & Khairunnisa Sulaiman (16 April 2012). Ancaman Jenayah Siber. *Utusan Malaysia*.
- Chris Reed, ed. (1990). *Computer Law*. Great Britain: Blackstone Press Limited.
- Christina Ulu (7 April 2013). Jenayah Siber Sukar Diatasi. *Mingguan Sarawak*.
- David Bainbridge (2000). *Introduction to Computer Law*. 4th rev. Edinburgh Gate: Pearson Education Limited.
- Donn B. Parker (1998). *Fighting Computer Crime: A New Framework For Protecting Information*. United States of America: John Wiley & Sons, Inc. h
- Gita Radhakrishna (2008). Internet Banking In Malaysia (Part 2) : The Incidence of Fraud and its Prosecution. Dalam *The Law Review*.
- al-Husara, Ahmad (1973). *al-Qisas – al-Diyat – al-‘Isyah – al-Muslah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariah.
- Ibn Manzur (t. t.). *Lisan al-‘Arab*. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
- Jabatan Perdana Menteri (2010). “*Panduan Perlindungan Terhadap Jenayah Penyamaran*”. (Web Phishing Scams). Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri.
- Khalid Mustafa Hashim (2007). *al-Jarimah: Dirasah Muqaranah Baina al-Syari’at al-Yahudiyyah wa al-Islamiyyah*. Herndon: al-Ma’ahad al-Alami li Fikr al-Islami.
- Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah (1990). *al-Mu’jam al-Wajiz*. Mesir: Wizarah al-Tarbiyah wa al-Ta’lim.
- al-Mawardi, ‘Ali bin Muhammad (1989). *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaibah.
- Mohamad Fahd Rahmat (2012). Aduh! Galaxy lesung batu. Diakses pada 10 Jun 2013 daripada, <http://www.hmetro.com.my/articles/2012011005010620120110050106/Article>
- Muhammad Abu Zahrah (1998). *al-Jarima wa al-‘Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Islami.
- Muhammad Rawas Qal’ahji dan Hamid Sadiq Qunaibi (1988). *Mu’jam Lughat al-Fuqaha’*. Beirut: Dar al-Nafa’is.
- Mursilalaili Binti Mustapa Sa’di (2006). *Jenayah Siber Menurut Perspektif Islam*. (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Muti’I, Najib (t. t.). *Kitab al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad

- Nazura Abdul Manap dan Anita Abdul Rahim (2002). Permasalahan Frod/Penipuan Dan Komputer: Sejauh Manakah Penyelesaiannya?, *Malayan Law Journal*. 1.
- Nazura Abdul Manap dan Jasri Jamal (2003). Jenayah Komputer : Perbandingan Menurut Akta Jenayah Komputer 1997 dan Prinsip Undang-Undang Jenayah Islam. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 7.
- Paizah Ismail (2001). *al-Fiqh al-Jina'i al-Islami*. APIUM: iMAP.
- Richard B., Longe O., Robert S. I. & Joseph B. (2011). Sakawa – Cybercrime and Criminality in Ghana. *Journal of Information Technology Impact*, 11(2).
- Rusli Haji Abdullah et al. (2003). *Teknologi Maklumat dan Penggunaannya*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Seksyen 3, Akta Jenayah Komputer
- Sinar Harian (Januari, 2013). Perniagaan online adakalanya indah khabar daripada rupa. Diakses pada 15 Januari 2013 dari, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/utara/perniagaan-online-adakalanya-indah-khabar-daripada-rupa-1.121406>
- Syed Sabiq (1999). *Fiqh al-Sunnah*, Kaherah: Dar al-Fath li al-I'lam al-'Arabi.
- Takato Natsui (2003). *Cybercrimes in Japan: Legislations, Problems and Perspectives*. (Kertas kerja, NetSafe II Conference, Auckland, Newzealand, Julai 2003).
- Umi KalsomRoslan (1997), Dewan Masyarakat,
- Yunus 'Abdul Qawi (2003). *al-Jarimah wa al-'Iqab fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.